

SUBSIDI PETROL BERSASAR DITANGGUHKAN

Tunggu kata putus

Keputusan
tanggguh PSP
diputuskan
18 Disember lalu

KHAIRIL ANWAR
MOHD AMIN dan
SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

SHAH ALAM



SAIFUDDIN NASUTION

Kabinet

Pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang dijadualkan bermula Januari 2020 ditangguhkan sehingga satu masa yang akan diumumkan kerajaan nanti.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal E-hwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Kabinet yang diadakan pada 18 Disember lalu.

Berikutan itu, rakyat negara ini akan terus menikmati harga petrol berdasarkan sistem sedia ada sementara menunggu pengumuman pengesahan pelaksanaan PSP.

Saifuddin menjelaskan, keputusan itu dibuat berasaskan dua faktor.

"Faktor pertama adalah untuk memberi ruang kepada kerajaan untuk meneruskan sesi penerangan dan penjelasan dengan tujuan memberi kefaha-


man dan mempersiapkan rakyat menerima pelaksanaan program PSP ini.

"Faktor kedua melibatkan proses pendaftaran penerima daripada kelompok M40 yang akan dikendalikan oleh Kementerian Kewangan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, kerajaan pada 7 Oktober 2019 telah mengumumkan pelaksanaan PSP bermula Januari 2020 sesuai dengan manifesto Pakatan Harapan (PH).

Bagi tujuan itu, kerajaan memperuntukkan RM 2.4 bilion dalam Belanjaan 2020 dengan jumlah penerima manfaat seramai lapan juta orang daripada kelompok B40 dan M40.

Program subsidi petrol bersasar akan dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima yang layak dan bukan menggunakan kad subsidi seperti yang dikatakan sebelum ini.



Kerajaan memperuntukkan RM2.4 bilion dalam Belanjawan 2020 bagi Program Subsidi Petrol Bersasar yang bakal dinikmati lapan juta pengguna kenderaan.



Subsidi Petrol Bersasar

- Seramai 2.8 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) juga mendapat manfaat menerusi program ini.
- Mereka perlu memiliki kenderaan atas nama sendiri dan cukai jalan yang sah.
- Hanya pemilik kereta 1600cc ke bawah dan motosikal 150cc yang layak menerima subsidi.
- Kadar subsidi ialah RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal.
- Bantuan tunai akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap empat bulan sekali.
- Anggaran jumlah tanggungan subsidi bagi pelaksanaan Program Subsidi Petrol ialah sebanyak RM65.4 juta sebulan.
- Program PSP bermula 1 Januari 2020 dan semakan kelayakan dibuat bermula 15 Oktober 2019.
- PSP hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, manakala harga petrol di Sabah, Sarawak dan Labuan masih kekal RM2.08 seliter.